

Headline	Tiada kekurangan bahan mentah industri perabot Mannan		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	17 Nov 2015	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	1,2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	374 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,927
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,781



Tiada kekurangan bahan mentah industri perabot: Mannan

KOTA KINABALU: Pangarah Jabatan Perhutanan Sabah, Datuk Sam Mannan (**gambar**), pada Isnin berkata tidak berlaku kekurangan bahan mentah asalkan pengeluaran perabot bersedia membayar harga pasaran untuk kayu.

Katanya, industri pemprosesan itu telah disubsidi melalui kadar royalti sejak permulaan abad ke-20 dan pengilang perabot dinasihatkan menanam pokok sendiri atau mendapatkan bekalan daripada penanam pokok.

Mannan berkata demikian untuk menafikan kenyataan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk seri Masiud Tangau pada 13 November bahawa industri perabot tidak boleh berkembang disebabkan kekurangan bahan mentah.

Menurut Mannan, cadangan menteri itu agar Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menubuhkan satu bahagian untuk membuat penyelidikan di Sabah, khususnya Akasia (*Acacia Mangium*) dari tapak semeaian kepada penuaian juga tidak wajar.

Mannan berkata perhutanan adalah urusan negeri dan cadangan menteri berkenaan bercanggah dengan dasar sedia ada untuk memberikan lebih banyak kuasa kepada Negeri, dan kerana itu penubuhan sebuah cawangan di sini tidak dibenarkan.

"Hak perlembagaan Sabah, terutamanya dalam bidang perhutanan, perlu dihormati.

"Menteri itu telah membuat satu cadangan tidak wajar yang cenderung melanggar institusi dan pencapaian Sabah dan datang daripada seseorang yang berasal dari Sabah," tambahnya.

Beliau mengambil maklum bahawa

Pusat Penyelidikan Perhutanan (FRC) di bawah Jabatan Perhutanan Sabah, telah melakukan penyelidikan dalam semua aspek industri Akasia, sejak Jabatan Perhutanan memperkenalkan spesies itu di Sabah pada 1960-an.

Ini termasuk satu projek menghasilkan pokok dan penambahbaikan, dijalankan oleh FAO/UNDP pada 1980-an dan melalui sebuah projek Bank Dunia meliputi kawasan Semenanjung Bengkoka.

Satu penyelidikan yang dilakukan oleh pakar perhutanan ladang asing di sini telah menghasilkan beberapa jenis Akasia terbaik dalam negara ini, yang dimiliki oleh

Lembaga Pembangunan Perhutanan Sabah, tegasnya.

"Selain itu, penanam utama Akasia di Sabah seperti SFT, Sabah Softwoods, Asian Forestry Company, Sapoda dan Yayasan Sabah dengan kerjasama Jabatan Perhutanan, melakukan penyelidikan berterusan sendiri, atau secara bersama, untuk menambahbaik penanaman dan semangat industri perladangan hutan, menekankan spesies eksotik dan maklumat seperti itu dikongsi dalam kalangan penanam penanam pokok itu," katanya.

Mannan juga berkata jabatan itu kini memberi lebih fokus kepada spesies natif seperti *Albizia*, *Laran*, *Binuang*, *Sengkuang*, *Magas* dan spesies tempatan lain yang cepat membesar, untuk memberikan keseimbangan dalam campuran penanaman dan untuk keselamatan-bio, bagi mengelak kepada kebergantungan kepada satu spesies sahaja, jika berlaku wabak penyakit serius.

"Selain itu, spesies-spesies tempatan mempunyai nilai lebih tinggi dan lebih stabil dari segi ekologi. Penanam pokok utama bertukar dari akasia disebabkan penyakit kulat yang menyebabkan pokok mati di Sabah.

Lihat muka 2

Headline	Tiada kekurangan bahan mentah industri perabot Mannan		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	17 Nov 2015	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	1,2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	374 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,927
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,781

Ladang Akasia gagal tidak pernah didengar di Sabah

Dari muka depan

“Berbelanja besar untuk penyelidikan intensif, mengenai apa yang pada asasnya adalah spesies rumput, yang mempunyai ciri sangat invasif, adalah pembaziran sumber. Ladang Akasia yang gagal tidak pernah didengar di Sabah – terbakar, ladang Akasia mempunyai risiko kebakaran yang tinggi, bagaimanapun, banyak,” katanya.

Menurutnya, semua penyelidikan jabatan, itu telah diatur dengan kerjasama rapat bersama industri, sambil menambah, contohnya kerjasamanya dengan Koperasi Perhutanan Borneo sejak beberapa tahun lepas telah berkembang lebih dari sekadar pemegang lesen Unit Pengurusan Hutan (FMU) tetapi juga untuk menanam dan menghasilkan kayu berkualiti tinggi melalui penyelidikan terancang.

Sementara itu, Mannan berkata kumpulan bertindak sendiri dipercayai berada di belakang tindakan menebang balak di Santuari Hidupan Liar Kinabatangan Hilir.

Dia percaya, ianya dilakukan oleh kumpulan tunggal yang sangat arif keadaan di santuari itu dan mungkin telah menggunakan kayu yang ditebang untuk kegunaan sendiri atau mungkin dijual, mendedahkan bahawa kejadian seperti itu berlaku dari semasa ke semasa dan sekali, sekala di dalam santuari itu.

“Satu pokok baharu ditebang di Lot 5 dan diproses menjadi papan, tiga tunggul lama ditemui dan sisanya dipotong menjadi papan, dan satu pokok yang tumbang sendiri ditemui dan diproses semula di tapak menjadi papan.

“Semuanya jenis *Merbau*, satu spesies kayu keras. Di Lot 6, tujuh pokok pelbagai spesies ditebang, enam daripadanya ditinggalkan dan satu pokok diproses menjadi papan,” katanya dalam satu kenyataan tentang hasil penemuan jabatan terhadap pencerobohan yang didakwa berlaku di kawasan itu.

Pada 11 November, semasa pembukaan Persidangan Antarabangsa Heart of Borneo, beliau berkata jabatan akan menyiasat laporan daripada Pusat Lapangan Damai Girang bahawa aktiviti yang mengancam hidupan liar serta pembalakan haram berlaku di kawasan perlindungan itu.

Katanya, beliau juga tidak tahu adanya aktiviti seperti itu berlaku, tetapi mengesahkan pemburuan haram hidupan liar pernah berlaku di situ.

Mannan percaya kejadian seperti itu akan berkurang sebaik Unit Peronda Sungai menjadi aktif awal tahun depan.

Menurutnya, sebarang balak atau papan

Headline	Tiada kekurangan bahan mentah industri perabot Mannan		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	17 Nov 2015	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	1,2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	374 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,927
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,781

yang ditemui di tapak itu telah pun ~~...~~ curampas.

